



**RASMI...** Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul menyempurnakan perasmian konvensyen.



**ALBUM KENANGAN...** Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul merakamkan gambar bersama para peserta konvensyen.

# UMS tuan rumah Konvensyen MUNCH 2019 kali pertama

NET 8.8.2019 6

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah bagi konvensyen Ist Malaysian Universities National Convention (MUNCH) 2019 buat julung kalinya yang diadakan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS.

Konvensyen yang berlangsung selama dua hari itu menghimpunkan lebih 140 peserta yang mewakili Pusat Kesihatan Universiti (PKU) bagi 20 Universiti Awam di Malaysia, selain penyertaan wakil dari hospital dan agensi swasta.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, konvensyen ini diharap akan dapat mengumpul dan menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan bidang kesihatan secara optimum agar dapat memanfaatkan peserta dan PKU yang diwakili.

"Penyebaran pengetahuan berkaitan

isu-isu semasa dalam bidang kesihatan khususnya di universiti awam akan disusun semula oleh ahli-ahli profesional yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing bagi manfaat kepada kampus universiti secara keseluruhan.

"Kemajuan dalam penyediaan penjagaan kesihatan di universiti sering memerlukan perubahan minda, yakni minda inovatif yang sanggup memecahkan halangan yang menyekat kemajuan tidak kira sama ada ahli akademik atau penyedia penjagaan kesihatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan perasmian konvensyen tersebut, yang dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul di Auditorium FPSK.

Menurut Prof. Dr. Taufiq, penganjur konvensyen ini adalah tepat pada

masanya dalam membantu memfokuskan dan menyusun semula objektif bagi memastikan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti dan mengekalkan kesihatan optimum bagi semua warga universiti.

"Dengan menggabungkan usaha pelbagai disiplin dari universiti yang berlainan, kita dapat belajar dari pengalaman dan pencapaian masing-masing, serta meningkatkan standard dan kualiti penjagaan kesihatan kepada warga universiti," ujar beliau.

Hadir sama pada majlis tersebut Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Safree Jeffree; Ketua Pegawai Eksekutif Hospital UMS, Prof. Dr. Helen Benedict Lasimbang; Pengerusi Majlis Kesihatan Universiti Awam Malaysia, Prof. Dr. Durishah Idrus; dan pengerusi penganjur konvensyen, Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Mohd Daud.